

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA
KINABALU]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 82

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tindakan-tindakan yang diambil Kerajaan bagi memastikan **keselamatan pemandu kenderaan e-hailing** berikutan pembunuhan pemandu Grab, Mohd Hanafiee Jaafar, di Tuaran, Sabah pada 24 Mei lalu oleh dua orang penumpang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarikat e-hailing atau E-Hailing Operator (EHO) yang membuat permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) perlu mematuhi spesifikasi minima aplikasi yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan SPAD Bilangan 2 Tahun 2018.

Terdapat dua (2) fungsi utama dalam spesifikasi aplikasi yang ditetapkan iaitu fungsian penumpang dan fungsian pemandu. Fungsian penumpang memerlukan penumpang mengemukakan maklumat diri dan salinan dokumen diri untuk dimuat naik dalam sistem aplikasi yang digunapakai sebelum perkhidmatan diberikan. Fungsian pemandu pula memerlukan pemandu memuatnaik maklumat diri dan maklumat kenderaan dalam sistem aplikasi sebelum diberikan kebenaran oleh syarikat e-hailing

seseorang itu menjadi pemandu kepada syarikat yang berkaitan. Rekod perjalanan trip yang dibuat juga akan disimpan sekurang-kurangnya 3 bulan dan maklumat yang direkodkan dalam sistem berkenaan boleh membantu pihak penguatkuasa membuat siasatan sekiranya berlaku sebarang kejadian jenayah.

Syarat spesifikasi aplikasi juga menetapkan fungsi butang kecemasan (SOS button) yang bersambung terus dengan nombor panggilan kecemasan 999 bagi memudahkan pengguna atau pemandu mendapatkan bantuan sekiranya berlaku kecemasan atau jenayah. Selain itu terdapat juga keperluan fungsi untuk membuat aduan, maklumbalas dan pertanyaan sekiranya terdapat keperluan oleh penumpang terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Pihak Kerajaan juga akan mempertimbangkan sebarang penambahbaikan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan agar elemen keselamatan menjadi keutamaan kepada pemandu dan penumpang. Mewujudkan suasana selamat adalah penting bagi mengekalkan keyakinan penumpang dan pemandu agar terus bersaing secara sihat menentukan penawaran dan permintaan kepada pengguna. Cadangan seperti *facial recognition*, penggunaan video camera dalam kenderaan dan lain-lain cadangan akan dikaji kesesuaian sebelum sesuatu peraturan ditetapkan.

Sekian, terima kasih.